

# Malaysia bantu majukan pendidikan selatan Thailand

PUTRAJAYA 10 Mei - Malaysia dan Thailand hari ini bersejajar menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi mengenal pasti sistem pendidikan Islam yang sesuai dilaksanakan di wilayah selatan Thailand.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, penubuhan jawatankuasa tersebut penting bertujuan memastikan sistem pendidikan Islam yang bakal digunakan mampu membangunkan masyarakat wilayah tersebut dalam jangka masa panjang. Menurut beliau, ia juga mustahak bukan

sahaja untuk hubungan dua hala tetapi dapat membantu kerajaan Thailand membangunkan wilayah yang bergolak itu.

"Jawatankuasa khas itu akan diwakili oleh Kementerian Pelajaran Thailand manakala Malaysia pula oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

"Kami berharap jawatankuasa itu dapat mengenal pasti sistem pendidikan Islam yang sesuai dan juga jumlah guru serta pelajar dari wilayah berkenaan yang boleh dihantar ke Malaysia untuk mempelajari sistem pendid-

kan Islam kita dalam tempoh beberapa bulan akan datang," katanya.

Hishammuddin berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri taklimat dan perbincangan bersama Menteri Pelajaran Thailand, Prof. Dr. Wichit Srisa-an di sini hari ini.

Hishammuddin memberitahu, sekumpulan pegawai Kementerian Pelajaran telah diarah melakukan lawatan dan kajian terperinci mengenai sistem pendidikan Islam yang sesuai di wilayah selatan Thailand. Mereka akan bertolak ke sana minggu depan.

UM - 11/5/2007

"Lawatan itu penting bagi meyakinkan masyarakat di wilayah berkenaan bahawa produk kita adalah bertaraf antarabangsa kerana ia boleh membantu mereka dalam jangka masa pendek dan panjang," katanya.

Di Kajang, Hishammuddin dalam ucapannya di situ menyatakan sistem pendidikan di negara ini yang menyeimbangkan akademik dan agama kini menjadi contoh kepada negara-negara lain.

Katanya, sistem pendidikan yang Malaysia gunakan sekarang telah 'diintai' oleh negara-negara luar untuk dipraktikkan.

"Mereka (negara luar) lihat keamanan negara kita sebenarnya berpunca daripada pendidikan yang memberi penekanan dari segi agama selain akademik," katanya.

Sementara itu, Wichit Srisa-an berkata, lawatan beliau ke negara ini adalah untuk melihat sendiri sistem pendidikan Malaysia yang sudah terbukti cemerlang.

"Saya telah diarahkan oleh Perdana Menteri, Surayud Chulanont untuk 'menjenguk' sendiri dan mencontohi amalan pendidikan di Malaysia.